



**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)**  
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,  
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.  
Tel : 603-61262020 No Faks : 603-61383650 Email : [fama@fama.gov.my](mailto:fama@fama.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN II KE PASIR MAS KELANTAN**

**PASIR MAS, 2 Ogos 2021** – YB Dato' Haji Che Abdullah Bin Mat Nawi, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II telah mengadakan lawatan kerja ke Kampung Pulai, Chicha Tinggi, Pasir Mas bagi melihat sendiri isu pemasaran timun yang diusahakan oleh dua beradik pada hari ini.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan membantu petani yang mengalami masalah untuk memasarkan hasilan pertanian mereka dengan membuat pengaturan pasaran dengan pihak ketiga atau memasarkan melalui Pusat Operasi FAMA.

Abdullah berkata, hampir 11 ribu metrik tan hasilan pertanian yang telah dibantu oleh FAMA yang melibatkan nilai khidmat pemasaran sejumlah RM38.22 juta di seluruh negara bagi tempoh 25 Mei hingga 29 Julai 2021. Bagi negeri Kelantan sahaja, hampir 2,500 mt telah dibantu dalam khidmat pemasaran FAMA dan melibatkan nilai sejumlah RM2.4 juta.

Semua hasilan pertanian yang dipasarkan oleh FAMA ini akan dibawa ke kawasan yang memerlukan dan juga digunakan sebagai produk sumbangan dalam program MAFI Prihatin.

Program MAFI Prihatin merupakan inisiatif serampang dua mata di mana dapat membantu petani memasarkan lebih hasilan pertanian mereka dan dalam masa sama dapat membantu rakyat yang terjejas akibat Covid-19.

Secara keseluruhannya Abdullah berkata, sehingga 27 Julai 2021, pelaksanaan MAFI Prihatin melalui FAMA sahaja, telah memberi manfaat kepada 26,317 orang di 124 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan sebanyak 44.89 metrik tan makanan telah disalurkan.

Abdullah juga berkata, selain program MAFI Prihatin, bagi memastikan kelangsungan rantai bekalan serta pemasaran makanan, MAFI melalui FAMA juga telah mewujudkan

54 buah Pasar Segar Terkawal (PST) yang melibatkan seramai 2,373 usahawan tani di seluruh negara. Bagi tempoh 1 Jun – 29 Julai 2021, nilai jualan PST telah berjaya mencapai sebanyak RM73.27 juta.

PST ini akan terus beroperasi sepanjang pelaksanaan sekatan pergerakan penuh ini, Tambah beliau, setiap PST akan mempunyai lapan komoditi teras iaitu sayur, buah, ikan, ayam, daging, produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS), barang runcit dan makanan (*take away*).

Dalam pada itu, pengguna turut disaran membeli barang secara dalam talian (online) dan mengurangkan pertemuan (contact) di PST. Pelbagai kemudahan pembelian dalam talian telah tersedia seperti aplikasi Agrobazaar Online (ABO) serta aplikasi e-commerce lain sektor swasta yang juga menjual barangan segar dan keperluan seperti Shopee, Lazada, MyGrocer, OurFarm AirAsia, Farm2Table dan sebagainya.

Bagi tempoh 25 Mei hingga 29 Julai 2021 juga, FAMA telah mengeluarkan sebanyak 20,274 surat kebenaran keterlibatan dalam sektor pertanian tidak formal (informal) termasuk aktiviti rantaian pembekalan dan pemasaran berkaitan keperluan makanan kepada petani, penternak, nelayan, pengusaha kecil B40 serta pengusaha mikro asas tani. Manakala, sektor pertanian formal (formal) yang melibatkan syarikat pengilangan, pengeluar produk atau industri makanan perlu terus mendapatkan kebenaran beroperasi melalui COVID-19 Intelligent Management System (CIMS 3.0) di bawah seliaan MITI.

Bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh pelaksanaan PKP Total Lockdown, FAMA telah mewujudkan Bilik Gerakan (*Crisis Management Centre*) yang beroperasi pada pukul 8 pagi hingga 7 malam.

Ini bagi membantu para petani yang menghadapi masalah memasarkan hasil pertanian mereka dengan melayari portal FAMA Feedback System (<http://ffs.fama.gov.my/aduan/index.php>) atau menghubungi talian hotline FAMA di 019-7476754/013-3777100/010-7632684.

#####

**Disediakan oleh:**

**Bahagian Sekretariat dan Korporat FAMA Ibu Pejabat**

**Kementerian Pertanian dan Industri Makanan**

**2 Ogos 2021**